

TARIKH	9 / 3 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	

## Peluang golongan muda tunai haji

**Kuala Lumpur:** Golongan muda berpeluang menunaikan haji pada usia muda melalui amalan menabung di Lembaga Tabung Haji (TH).

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail, berkata mereka boleh berbuat demikian dengan membuka akaun di TH dengan simpanan permulaan sekurang-kurangnya RM1,300.

Ketika ini, kos menunaikan haji adalah RM15,555 seorang.

Setiap tahun TH menghantar kira-kira 28,000 orang menunaikan haji. Ketika ini, seramai 1.1 juta orang masih menunggu giliran menunaikan haji.

### Bayar RM9,980

"Namun, bagi mereka yang menunaikan haji buat pertama kali dan pergi secara Muassasah, bayaran dikenakan sebanyak RM9,980 seorang dan TH akan menanggung sebanyak RM5,575," katanya yang mengetuai lawatan pengurusan kanan TH ke Balai Berita di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi TH, Datuk Kamarudin Mat Ali; Pengurus Be-

### FAKTA NOMBOR

# 1.1 juta

orang masih menunggu giliran menunaikan haji.

sar Kanan TH, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman; Ketua Pegawai Pelaburan TH, Abdul Kadir Sahlan.

Rombongan TH berkenaan

turut mengadakan perjumpaan dengan pengurusan kanan NSTP yang disertai Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Mohammad Azlan Abdullah; Pengarah Urusan Kumpulan

NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid; Pengarah Kumpulan BH, Datuk Mior Kamarul Shahid dan Pengarah Kumpulan Harian Metro, Datuk Mustapa Omar.



Azlan (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Ismee sempena lawatan Pengurusan Kanan Tabung Haji ke Balai Berita di Jalan Riong.

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH]